



MEMO

Daripada : **Nurfayunie Pakhrururzi**
Penolong Pengurus HRMD, MPC

Kepada : **Dato' Abdul Latif bin Haji Abu Seman**
Ketua Pengarah MPC

Melalui : **Josffa Ismail**
Timbalan Pengarah HRMD

Tarikh : 5 Julai 2021

Perkara : **PERMOHONAN KELULUSAN PEMBAYARAN
YURAN PERSIDANGAN MALAYSIAN ECONOMIC SUMMIT 2021
ANJURAN KINGSLEY ADVISORY & STRATEGIC INITIATIVES SDN.
BHD.**

Adalah dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Dato', Persidangan Malaysian Economic Summit 2021 akan diadakan pada 13 Julai 2021 secara maya. Persidangan ini akan bermula dengan ucapan perasmian oleh YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Kanan di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Beberapa panel terkemuka juga akan bersama-sama dalam menjayakan persidangan seminar ini.

Program ini akan membincangkan perkongsian oleh perniagaan dan bagaimana ia mempengaruhi pertumbuhan produktiviti dan pekerjaan serta peranan pemerintah/ kerajaan untuk mendukung transformasi teknologi IT ini, kaedah mengatasi cabaran yang akan dihadapi serta peranan langkah penyediaan vaksinasi dapat membantu pertumbuhan produktiviti dan akhir sekali membicarakan bagaimana Malaysia boleh menjadi lebih kompetitif.

Para peserta akan memperolehi maklumat yang lebih baik dan informatif dalam membuat keputusan yang lebih tepat dan rancangan yang strategik untuk mendorong kearah yang lebih baik untuk organisasi serta untuk pengurusan risiko yang lebih mantap terutamanya selepas pandemic COVID-19. Penyertaan adalah seramai 3 orang Pengarah dari HQ.

3. Dengan ini, pihak HR ingin memohon pertimbangan dan kelulusan YBhg. Dato' untuk meluluskan pembayaran yuran penyertaan persidangan ini kepada syarikat Kingsley Advisory & Strategic Initiatives Sdn. Bhd. bagi penyertaan pegawai MPC sepertimana yang dijelaskan di atas dengan mengikut prosedur Pekeliling Perbendaharaan Malaysia. PK 7.3.

4. Pertimbangan YBhg. Dato' dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Disediakan oleh:




**Nurfayunie
Pakhrururzi**
Penolong Pengurus
HRMD MPC

Disokong oleh:



Josffa Ismail
Timbalan Pengarah
HRMD MPC

Diluluskan/Tidak Diluluskan



(Dato' Abdul Latif bin Haji Abu Seman)
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)